

# Chamil Warya dan Baharom Mahusi di UNIMAS 27 Mac

MS 7.3.10 ms 2

KUCHING, Sabtu – Dua tokoh wartawan tersohor Malaysia akan mengadakan ceramah kewartawanan di kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 27 Mac akan datang.

Tokoh-tokoh yang dimaksudkan ialah Pengerusi Institut Akhbar Malaysia (MPI) Datuk Chamil Warya dan editor Kosmo Baharom Mahusin.

Perkara ini diberitahu oleh Ketua Jabatan Komunikasi Fakulti Pengajian Sosial Dr Jeniri Amir.

Beliau ditemui ketika mempengerusikan Sesi Ceramah Umum di Kampus Timur UNIMAS pagi tadi.

Tetamu undangan pada Sesi Ceramah Umum itu ialah Ketua Editor Kumpulan Utusan Sarawak dan Eastern Times William Chan.

Turut membantu mengongsi pengalaman masing-masing ialah Ketua Editor Rekabentuk Kumpulan Utusan Sarawak dan Eastern Times Mohd Hanip Zaini serta pelajar pelatih dari UiTM yang sedang menjalani Latihan Industri di bilik berita Utusan Sarawak Christina Ulau.



**CERAMAH...** (dari kiri) Dr Jeniri Amir mempengerusikan Sesi Ceramah Umum di Kampus Timur UNIMAS semalam bersama penceramah William Chan dan Mohd Hanip Zaini.



**TEKUN...** Sebahagian pelajar Fakulti Sains Sosial UNIMAS tekun mendengar ceramah. • CHRISTINA ULAU.